



BERSALAH: Anis (kiri) bersama peguamnya, Lim kelihatan di lobi Kompleks Mahkamah Kuching. — Gambar Kentigern Minggu

Wanita didenda kerana miliki pistol tiruan, ugut lelaki dalam insiden amarah jalan raya

KUCHING: Seorang wanita berusia 33 tahun didenda RM4,000 atau penjara 10 bulan jika gagal membayar denda oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas didapati bersalah memiliki pistol tiruan dan menggunakannya untuk mengugut seorang lelaki dalam satu insiden amarah di jalan raya.

Majistret Mason Jaro Lennya Barayan menjatuhkan hukuman terhadap Anis Afifah Mazlan, yang didakwa mengikut Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 kerana memiliki pistol tiruan dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan jenayah dengan niat menyebabkan kecederaan parah.

Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 memperuntukkan hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda sehingga RM5,000 atau kedua-duanya sekali, manakala Seksyen 506 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Anis didenda RM2,000 bagi setiap pertuduhan, dengan hukuman penjara lima bulan bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda.

Menurut kertas pertuduhan, kedua-dua kesalahan itu dilakukan sekitar 8.30 pagi, 27 Oktober tahun ini, dengan

kesalahan memiliki pistol tiruan di rumah tertuduh, manakala ugutan jenayah berlaku di Batu 12, Jalan Kuching-Serian.

Berdasarkan fakta kes, mangsa dan isterinya sedang dalam perjalanan pulang dari Siburan selepas membuat penghantaran apabila mereka diekori oleh kereta yang dipandu tertuduh.

Tertuduh didakwa berulang kali membrek secara mengejut di hadapan kenderaan mangsa sehingga mencetuskan provokasi.

Kedua-dua kenderaan kemudian berhenti di tepi jalan dan berlaku pertengkaran mulut, di mana tertuduh mengeluarkan objek menyerupai pistol dan melepaskan sebutir peluru getah berwarna kuning yang mengenai kepala mangsa sebelum melarikan diri.

Mangsa kemudiannya membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan tertuduh pada hari yang sama.

Polis turut merampas sebuah kereta dengan nombor pendaftaran seperti yang dilaporkan mangsa, kunci kereta, sepucuk pistol tiruan jenis Glock berwarna hitam buatan China, sebuah magazin tiruan berwarna hitam dan lapan butir peluru getah berwarna kuning.

Tertuduh diwakili oleh peguam Lim Lian Kee.